



Penuntut UTHM yang hadir Program Santai: Transformasi of Youth As Leaders yang diadakan untuk memberi jalan kepada anak muda menjadi pemimpin.

## *Anak muda berpeluang jadi pemimpin*

**BATU PAHAT** - Golongan muda termasuk penuntut institut pengajian tinggi (IPT) berpeluang menjadi pemimpin kerana tiada sekatan asalkan tidak melanggar undang-undang sedia ada.

Pada masa sama kerajaan turut menggalakkan dengan menyediakan pelbagai program seperti Parlimen Belia dan Felo Perdana bagi membolehkan mereka memahami susur galur pentadbiran dan prosedur supaya pengalaman dimiliki dapat menjadi bekalan jadi pemimpin.

Exco Majlis Belia Malaysia (MBM), Mohd Rizmel Nazrin Abdul Malik berkata, anak muda perlu

mengambil peluang yang disediakan.

Katanya, bukan sahaja untuk menjadi pemimpin, malah platform ini juga dapat melahirkan golongan pentadbir untuk negara yang mampu menjadi ketua dalam badan korporat mahupun agensi tertentu.

“Sekarang ini kerajaan laksana pelbagai program untuk anak muda, seharusnya mereka rebut peluang dengan melibatkan diri.

“Anak muda perlu tahu peranan dan tanggungjawab terutama bagi yang berhasrat menjadi pemimpin.

“Contoh program hari ini, dapat membentuk minat dalam soal kepimpinan dan

jati diri agar dapat melahirkan serta membentuk masa depan lebih baik,” katanya.

Beliau berkata demikian semasa hadir sebagai panel Program Santai: Transformasi of Youth as Leaders di Dewan Tunku Mahkota Ismail (DTMI), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Katanya, program ini kali ketiga diadakan tahun ini.

Katanya, sebelum ini program seumpamanya diadakan di Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) di Kelantan yang memberikan peluang kepada penuntut mengetahui peranan mereka.